
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2006/2007

April 2007

HIS 224 – INSTITUSI KEKELUARGAAN ISLAM

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. Soalan nombor LIMA WAJIB dijawab.

...2/-

1. Perkahwinan merupakan perkara yang dituntut oleh syarak. Ia mempunyai beberapa rukun dan syarat.
- [a] Apakah maksud nikah dan huraikan secara ringkas EMPAT hikmah pernikahan.
- [30 markah]
- [b] Berikan maksud mahar dan jenis-jenisnya.
- [30 markah]
- [c] Jelaskan EMPAT ciri perempuan yang sesuai untuk menjadi calon isteri seperti yang disarankan dalam Islam.
- [20 markah]
- [d] Huraikan rukun-rukun nikah.
- [20 markah]
2. Hubungan ikatan perkahwinan yang murni datang seiringan dengan hak-hak yang perlu dipenuhi oleh setiap suami dan isteri. Ia bertujuan untuk memelihara masalah setiap individu dalam institusi kekeluargaan tersebut.
- [a] Jelaskan ENAM hak seorang suami yang perlu dipenuhi oleh isterinya?
- [30 markah]
- [b] Huraikan tentang hak mendapat nafkah yang menjadi tanggungjawab suami untuk diberikan kepada isterinya.
- [30 markah]
- [c] Jelaskan EMPAT perkara yang boleh menyebabkan seorang isteri hilang kelayakan mendapat nafkah.
- [20 markah]

- [d] Nyatakan EMPAT perkara yang menjadi tanggungjawab bersama suami dan isteri.

[20 markah]

3. Perkahwinan kadangkala mengalami konflik yang berpanjangan dan berakhir dengan suami menjatuhkan talak ke atas isterinya.

- [a] Apakah maksud talak? Berikan EMPAT hikmah diharuskan talak.

[30 markah]

- [d] Huraikan maksud talak *sunni*, talak *bid'i* dan talak *ba'in*.

[30 markah]

- [c] Berdasarkan ayat 34 dan 35 surah al-Nisa', nyatakan langkah-langkah yang perlu diambil oleh suami apabila berhadapan dengan isteri yang *nusyuz*.

[20 markah]

- [d] Huraikan dengan ringkas EMPAT keadaan yang mengharuskan seorang isteri menuntut perceraian secara fasakh.

[20 markah]

4. Sekiranya sesuatu perkahwinan tidak dapat diselamatkan lagi, Islam membenarkan perceraian. Seiringan dengan itu, terdapat beberapa kesan yang timbul seperti *hadhanah*, nafkah, hukum-hukum rujuk dan sebagainya.

- [a] Nyatakan maksud *hadhanah*. Berikan EMPAT syarat yang melayakkan seorang ibu mendapat hak *hadhanah*.

[30 markah]

- [b] Huraikan EMPAT jenis tempoh iddah. Jelaskan masa habis iddah seorang perempuan yang diceraikan ketika dia mengandung enam bulan.

[30 markah]

...4/-

- [c] Huraikan DUA jenis nafkah yang boleh diperolehi oleh seorang isteri yang diceraikan dengan talak satu sedangkan dia tidak *nusyuz*.
[20 markah]
- [d] Huraikan EMPAT syarat sah rujuk.
[20 markah]
5. Nyatakan hukum masalah-masalah berikut dan alasannya dengan ringkas.
- [a] Amin ingin mengahwini Laili. Kembar Laili iaitu Lina pernah menyusui dengan ibu Amin.
[10 markah]
- [b] Munah dan Roslan telah mendirikan rumahtangga menggunakan wali hakim kerana bapa Munah enggan mewalikan perkahwinan Munah walaupun Roslan seorang yang sekufu dan mampu membayar mahar *mithil*.
[10 markah]
- [c] Jamal telah berkahwin, tetapi semasa melafazkan ijab dan kabul, dia tidak menyebut kadar mahar.
[10 markah]
- [d] Faizah enggan berpindah ke rumah suaminya kerana selesa tinggal di rumah ibunya.
[10 markah]
- [e] Perkahwinan Leman dengan Siti tidak bertahan lama kerana Siti enggan mengizinkan Leman menyetubuhinya. Selepas bercerai, Leman ingin mengahwini anak Siti iaitu Rohana.
[10 markah]
- [f] Walaupun suaminya tidak mengizinkannya, Jamilah tetap nekad keluar rumah untuk menuntut ilmu fardu ain kerana suaminya tidak mampu mengajarnya.
[10 markah]

- [g] Romi telah menjatuhkan talak satu ke atas isterinya sedangkan isterinya sedang haid.
[10 markah]
- [h] Kemalangan ngeri telah meragut nyawa suami Norma. Ketika itu dia sedang mengandung sembilan bulan. Selepas bersalin dan habis nifas, Norma mengahwini Ali.
[10 markah]
- [i] Saleh cuba merebut hak penjagaan anaknya daripada bekas isterinya kerana bekas isterinya seorang pelacur.
[10 markah]
- [j] Selepas menceraikan isterinya dengan talak tiga, Mamat rujuk semula isterinya.
[10 markah]

- ooo0ooo -

